

09 JAN 2001

Mahathir-Pas

UMNO SEDIA JUMPA PAS SAHAJA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Umno sedia bertemu dengan Pas sahaja untuk membincangkan soal perpaduan orang Melayu walaupun Parti Keadilan Nasional (Keadilan) telah menolak untuk turut serta dalam pertemuan yang dicadangkan antara Umno-Pas-Keadilan.

Menurut Presiden Umno itu, Umno tidak mempunyai masalah bertemu Pas sahaja kerana ia tidak mempunyai niat lain daripada mencari kata sepakat mengenai perpaduan orang Melayu.

Katanya, apa yang penting ialah beliau tidak mahu orang Melayu berpecah-belah belah kerana itu tidak baik.

Ditanya mengenai cadangan debat antara Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Hussein dan Ketua Pemuda Pas Mahfuz Omar, Dr Mahathir berkata debat itu tidak perlu diadakan kerana apa yang penting sekarang ialah soal perbincangan antara tiga parti itu mengenai perpaduan orang.

"Lebih baik jumpa itu dahulu (Umno-Pas-Keadilan), tak payah (debat). Nanti macam-macam, susahkan kita mencari perpaduan," kata beliau pada persidangan media di pangakalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang, dekat sini sekembalinya dari lawatan ke Myanmar.

Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengarahkan Hishammuddin supaya membatalkan cadangan debat itu dan ia dipersetujui oleh Hishammuddin kerana mahu memberi tumpuan kepada pertemuan membincangkan soal perpaduan orang Melayu.

Bagaimanapun, Mahfuz masih mahu meneruskan debat mengenai hak dan keistimewaan orang Melayu dengan alasan ia telah dipersetujui oleh Dr Mahathir sebelum ini manakala Pemuda PAS dan Umno sudah mencapai kata sepakat dalam soal pemilihan moderator dan format debat.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Umno yang dipengerusikan oleh Abdullah baru-baru ini mencadangkan Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan Presiden PAS Datuk Fadzil Noor dan Presiden Parti Keadilan Nasional Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bagi membincangkan soal perpaduan orang Melayu.

Jawatankuasa Pusat Pas bersetuju dengan pertemuan seumpama itu tetapi mahukan ia melibatkan perwakilan dan bukan hanya pertemuan antara pemimpin parti-parti berkenaan.

PAS juga mahu skop perbincangan diperluaskan bagi meliputi kepentingan nasional dan bukan khusus kepada perpaduan orang Melayu sahaja.

Manakala Keadilan tidak mahu menyertai pertemuan itu atas alasan tiada perpecahan di kalangan orang Melayu dan sebaliknya apa yang telah berlaku ialah sokongan orang Melayu telah beralih kepada pembangkang.

Mengenai permintaan PAS supaya skop itu diperluaskan, Dr Mahathir berkata, Umno hendak bercakap tentang perpaduan orang Melayu sahaja dan tidak meletakkan sebarang syarat atau skop.

-- BERNAMA

AR AR PR